## LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## ISNIN 15 JANUARI 2024

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | ENOUGH CHICKENS FOR CNY, NATION, THE STAR -8 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 2. | KES GIGITAN ANJING DI SARAWAK STABIL, LOKAL, HM -22 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 3.<br>4. | PPK KUALA LANGAT ANJUR JUALAN AGRO MADANI, KOMUNITI KITA, UM -37<br>PESAWAH DISARAN BELI MESIN PROSES PADI JADI BERAS SENDIRI, DALAM NEGERI, UM -9 | LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP) |
| 5.<br>6.<br>7.<br>8. | SAMPAI BILA RAKYAT 'DIPAKSA' BELI BERAS MAHAL?, DALAM NEGERI, UM -9<br>'KAMI BAGAI DIPAKSA BELI BERAS IMPORT', NEGARA, KOSMO -16<br>KEBUN SAYUR WARGA ASING, DALAM NEGERI, UM -1 & 2<br>AIMING FOR NEW HEIGHTS WITH DRONES, TECHNOLOGY, THE STAR -6 & 7 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/1/2024 | THE STAR | NATION | 8 |

# Enough chickens for CNY

## Supply has stabilised, prices will be monitored, says govt

By ZAKIAH KOYA
newsdesk@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** More than enough affordably priced chickens will be available during the Chinese New Year, says Agriculture and Food Security Ministry secretary-general Datuk Lokman Hakim Ali.

He said government intervention would ensure prices do not fluctuate too much.

"Our chickens come from various sources, and with imports from Thailand, the supply is expected to be more than enough to go around for the Chinese New Year period," he added.

Lokman pointed out that although there were no price controls on chicken last Christmas, it was sold to consumers below the retail ceiling price of RM9.40 per kg, with an additional 50sen to have the chicken cut.

He added that chicken parts and frozen chicken were also sold below the retail ceiling price at all outlets.

"For Chinese New Year, a festive season price control scheme will be implemented through the Domestic Trade and Cost of Living Ministry," he said.

Lokman said the relevant ministries would continue to collaborate to maintain a stable chicken supply and would also monitor reported price manipulation activities.



**Plenty for everyone:** The Agriculture and Food Security Ministry says chickens will be priced reasonably this Chinese New Year.

Subsidies for poultry farmers were discontinued on Nov 1 last year, and since then, the price of chicken has been capped at RM9.40 per kg.

Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali said his ministry would continue to carry out checks at all retail premises.

He said since chicken prices were floated, the ministry had conducted checks at 1,197 premises.

Overall, he said compliance by retailers had been good and the ministry had issued notices to only six sellers.

"We will continue to ensure that there is no profiteering or cartel activities such as pacts on prices, production or marketing," added Armizan.

The ministry's Enforcement Division director-general Datuk Azman Adam said although there had been no implementation of a maximum price for festive seasons since the price was floated, inspections on chicken prices continued.

"This was to ensure prices did not increase and sellers did not profit. We monitored daily; there was no pause. The public can report to us if chicken prices exceed the ceiling price of RM9.40," said Azman.

Federation of Livestock Farmers' Associations of Malaysia president Tan Chee Hee said about two million chickens were consumed daily.

"For Chinese New Year, this will increase by only 1.5 to two times of that – it's not much.

"Poultry farmers are well prepared for this festive period as we have sufficient supply. Prices will be dictated by demand and supply," he said when contacted.

From 2022 until August 2023, the country imported chickens from 20 different countries, with the largest imports from Thailand, China and Brazil.

To ensure prices did not fluctuate, the government had also implemented other measures such as abolishing the Approved Permit (AP) requirement for whole chicken and chicken parts on May 18, 2022, allowing the import of Day-Old Chick (DOC) or fertile eggs from New Zealand and Australia to ensure adequate replacement stock for hens, and permitting the importation of chicken eggs from a new source country, namely Thailand.

Malaysians eat about 70.43 million chickens per month, or 845.16 million birds annually.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/1/2024 | HARIAN METRO | LOKAL | 22 |

# Kes gigitan anjing di Sarawak stabil

**Putrajaya:** Semua kes gigitan anjing di Sarawak dilaporkan stabil dan diberikan suntikan vaksin rabies serta rawatan Immunoglobulin Rabies (RIG), demikian menurut Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Dalam satu kenyataan semalam bagi memaklumkan situasi jangkitan anjing yang disahkan positif rabies di Kuching, Sarawak, KKM berkata, kes itu terdiri daripada 11 kes yang dirawat sebagai pesakit luar dan satu kes yang dimasukkan ke hospital bagi perawatan luka yang discaj pada Khamis lalu.

"Semua 11 kes digigit oleh anjing liar yang sama. Anjing terbabit ditangkap oleh PBT (pihak berkuasa tempatan) pada 8 Januari lalu. Keputusan ujian makmal yang dilakukan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) pada 11 Januari lalu menunjukkan positif rabies.

"Bagi kes ke-12 yang dilaporkan digigit anjing peliharaan di Lorong Tabuan Timur, Kuching, mangsa mendapat rawatan di Hospital Umum Sawarak pada 7 Januari. Anjing diserahkan secara sukarela kepada PBT dan ujian makmal DVS menunjukkan ia positif rabies," menurut kenyataan itu.

> *Semua 11 kes digigit oleh anjing liar yang sama. Anjing terbabit ditangkap PBT (pihak berkuasa tempatan) pada 8 Januari lalu"*
>
> **Kenyataan KKM**

Pada 11 Januari lalu, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS) Datuk Wee Hong Seng dilaporkan berkata, ada 12 kes gigitan anjing yang positif rabies di kawasan Tabuan Desa Indah dan Lorong Tabuan Timur, Sarawak.

KKM berkata, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak bersama DVS, PBT dan agensi tempatan yang berkaitan akan mempergiatkan aktiviti kawalan di kawasan terbabit bersama masyarakat setempat termasuk menjalankan kempen vaksinasi anjing bagi mengawal penularan jangkitan rabies.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/1/2024 | UTUSAN MALAYSIA | KOMUNITI KITA | 37 |



# PPK Kuala Langat anjur Jualan Agro Madani

DALAM usaha membantu rakyat terutama golongan marhaen mendapat barang makanan dengan harga murah, pihak Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat menganjurkan Program Jualan Agro Madani (JAM) di Pusat Pengumpulan Hasil Ladang (PPHL) di Jalan Waja Teluk Panglima Garang, Kuala Langat, Selangor baru-baru ini.

Menurut Pengerusi PPK Kuala Langat, Dr. Abdul Razak Khasbullah, pihaknya bekerjasama dengan ahli PPK Kuala Langat, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), peniaga makanan, pembekal input pertanian untuk menjayakan program tersebut.

Program berkonsepkan jualan harga patut tersebut katanya, melibatkan penjualan 700 ekor ayam bulat yang berharga RM10 setiap seekor.

Beliau ditemui pada program JAM yang dirasmikan oleh Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Selangor, Hyder Jaleel Gafoor Abdul Rasheed.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 15/1/2024 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 9 |


# Pesawah disaran beli mesin proses padi jadi beras sendiri

Oleh WAT KAMAL ABAS
utusannews@mediamulia.com.my

**BAGAN SERAI:** Pesawah menyambut baik cadangan supaya golongan itu memiliki mesin mini bagi memproses padi yang ditanam kepada beras untuk kegunaan sendiri.

Menurut pesawah, menerusi cara itu, ia dapat mengatasi masalah kekurangan beras tempatan di pasaran yang berlaku baru-baru ini.

Seorang pesawah, Shaiful Shahrin Mat Pauzi, 40, berkata, bantuan yang disediakan kerajaan untuk membeli mesin mini tersebut memudahkan pesawah untuk membelinya.

Katanya, galakan supaya pesawah memiliki mesin mini proses beras sendiri tepat pada masanya berikutan berlaku masalah kesukaran untuk mendapatkan beras di pasaran.

"Saya menyokong cadangan agar pesawah memiliki mesin memproses beras sendiri. Ini sudah tentu memberikan banyak manfaat kepada kami terutamanya ketika negara menghadapi masalah kekurangan beras putih tempatan di pasaran.



PESAWAH, Azhar Hashim (kanan) bersama anaknya memproses padi untuk dijadikan beras bagi kegunaan sendiri ketika ditemui di di Parit Haji Taib 3, Bagan Serai hari ini. - UTUSAN/WAT KAMAL ABAS

"Dapat masa yang sama, pesawah berharap LPP (Lembaga Pertubuhan Peladang) memperbanyakkan lagi untuk input pertanian kepada golongan pesawah di negara ini," katanya.

Seorang lagi pesawah, Mohd. Saufe Anoh, 45, berkata, memiliki mesin memproses beras sendiri membolehkan pesawah menghasilkan beras untuk kegunaan sendiri menerusi padi yang ditanam. Menurutnya, cara itu sudah diamalkan oleh pesawah dahulu yang menyimpan sebahagian daripada hasil tuaian padi di dalam kepok untuk diproses menjadi beras bagi kegunaan harian keluarga sehingga musim menuai yang berikutnya.

"Pada masa dahulu, pesawah turut menyimpan sebahagian daripada padi yang dituai dan akan dihantar ke kilang-kilang kecil untuk proses dijadikan beras bagi kegunaan sendiri.

"Namun mulai sekitar tahun 90-an, banyak kilang-kilang kecil di kampung ditutup hingga menyukarkan untuk pesawah memproses beras untuk kegunaan sendiri. "Dengan galakkan dan geran padanan yang disediakan oleh kerajaan, ini membolehkan pesawah untuk memiliki mesin mini untuk proses beras sendiri sesuai dengan keadaan semasa," katanya.

Semalam, Ketua Pengarah (LPP), Datuk Azulita Salim ketika melawat pusat pembelian padi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Tanjung Piandang di Parit Buntar berkata, pihaknya menggalakkan pesawah memiliki mesin mini bagi memproses beras.

# Sampai bila rakyat 'dipaksa' beli beras mahal?

**KLUANG:** Orang ramai khususnya masyarakat di daerah ini mendakwa seolah-olah dipaksa membeli beras import yang mahal harganya apabila bekalan beras putih tempatan hanya dihantar oleh pembekal antara tiga minggu hingga dua bulan sekali.

Lebih menyukarkan apabila jumlah beras yang dibekalkan kepada peniaga runcit atau pasar raya antara 10 hingga 250 bungkus dan habis dijual dalam masa antara satu hingga 12 jam sahaja.

"Persoalannya ialah di mana beras putih tempatan? Apa yang menghairankan, beras itu banyak dijual ketika Jualan Rahmah bergerak diadakan.

"Rakyat mencari bekalan beras bukan sebulan sekali, tapi hampir setiap hari. Sepatutnya bekalan perlu perlu sentiasa ada dalam pasaran sama ada di kedai runcit atau pasar raya.

Apabila bekalan hanya ada sekali-sekala, ia akan mengakibatkan berlaku pembelian panik dalam kalangan orang ramai dan keadaan itu yang akan memburukkan lagi keadaan apabila ramai yang tidak berpeluang membelinya," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

Sementara itu, seorang penduduk Taman Ilham, Roslan Ali, 55, berharap isu itu dapat diselesaikan segera pada tahun ini.

Katanya, bukan hanya beras, malah gula serta minyak masak peket terus 'hilang' dalam pasaran.

"Sampai bila rakyat harus 'dipaksa' beli beras import yang hampir sekali ganda harganya berbanding beras putih tempatan."

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/1/2024 | KOSMO | NEGARA | 16 |

# 'Kami bagai dipaksa beli beras import'



PENDUDUK mendakwa hanya terdapat beras import di kedai-kedai runcit atau pasar raya sekitar Kluang.

**KLUANG** – Penduduk setempat di sini merasakan seolah-seolah seperti 'dipaksa' untuk membeli beras import apabila hanya bekalan beras itu yang dihantar oleh pembekal iaitu antara tiga minggu hingga dua bulan sekali.

Lebih teruk apabila beras import yang dibekalkan oleh pembekal kepada peniaga runcit atau pasar raya antara 10 beg hingga 250 beg akan habis dijual dalam masa satu hingga 12 jam sahaja.

Seorang peniaga runcit yang mahu dikenali sebagai Raju, 55, berkata, apa yang ada di kedainya hanyalah beras import berharga RM25 satu beg dengan kuantiti lima kilogram.

Katanya, sudah dua bulan tidak menerima bekalan beras putih tempatan dan kalau ada penghantaran hanya 10 beg (10kg - 1 beg) dibekalkan kepada mereka yang berniaga runcit.

"Soalannya, di mana beras putih tempatan? Dan apa yang menghairankan ia banyak dijual ketika jualan Rahmah Bergerak diadakan.

"Rakyat mencari bekalan beras bukan sebulan sekali tapi hampir setiap hari dan ia perlu sentiasa ada di pasaran sama ada kedai runcit atau pasar raya," katanya ketika ditemui semalam.

> "Soalannya di mana beras putih tempatan? Dan apa yang menghairankan ia banyak dijual ketika jualan Rahmah Bergerak diadakan."

Sementara itu, penduduk Taman Ilham di Kluang, Roslan Ali, 55, yang ditemui berkata, harapan berlaku perubahan selepas memasuki tahun 2024 tidak menjadi kenyataan apabila bukan hanya beras, namun gula pasir serta minyak masak peket terus 'hilang' di pasaran.

Ujarnya, sampai bila masalah terpaksa beli beras import yang hampir sekali ganda harganya berbanding beras putih tempatan itu akan berakhir.

"Hasil pemerhatian di pasaran tempatan, banyak lagi barang-barang keperluan asas juga sudah dinaikkan harganya berbanding tahun lepas," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/1/2024 | UTUSAN MALAYSIA | MUKA DEPAN | 1 |

Kuasai pasaran sekitar Lembah Klang, miliki ekosistem sendiri

# Kebun sayur warga asing

Oleh **MOHAMAD ATHIR ISMAIL**
athir.ismail@mediamulia.com.my

**KLANG:** Selepas membina penempatan haram dan dijadikan sebagai kampung halaman sendiri di Setia Alam, Shah Alam; kini warga asing meneroka pula ribuan hektar tanah sebagai kawasan penanaman sayur-sayuran di Johan Setia, dekat sini.

Keluasan tanah pertanian yang dipercayai mencecah kira-kira 2,585.4 hektar di Kampung Johan Setia itu mampu mengeluarkan bertan-tan sayur setiap hari dan dipasarkan di sekitar Lembah Klang.

Antara sayur-sayuran yang ditanam ialah bayam, bayam merah, kangkung, peria, timun, keladi, pisang, serai, kunyit, labu dan buah melon yang dijual kepada peraih bermula RM2 sekilogram.

Kebun-kebun didakwa dikuasai majoriti warga Bangladesh itu mempunyai ekosistemnya sendiri seperti mempunyai peraih yang datang pada waktu berjadual dan memiliki rekod transaksi jualan yang ditulis dalam bahasa ibunda mereka.

**Bersambung di muka 2**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/1/2024 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 2 |

# Kebun sayur warga asing

Dari muka 1

Seorang penduduk yang mahu dikenali sebagai Mokhtar mendedahkan, ekosistem yang dijalankan oleh warga asing tersebut termasuklah menukar jenis tanaman pada setiap kali tuaian untuk memastikan kesuburan tanah.

Menurutnya, kewujudan kebun tersebut bukan perkara baharu kerana diserahkan kerajaan negeri suatu ketika dahulu untuk mengatasi masalah kekerapan hutan terbakar sehingga menyebabkan jerebu.

"Kemudian kerajaan negeri benarkan kawasan itu diteroka penduduk kampung untuk mengusahakan pertanian. Saya percaya tanah itu milik kerajaan sebab tiada geran diberikan kepada penduduk.

"Bagaimanapun, selepas bertahun-tahun, pertanian itu tidak lagi diusahakan menyebabkan warga asing terutama dari Bangladesh mengambil alih dan mengusahakannya dengan pelbagai tanaman," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Sementara itu, seorang lagi penduduk yang mahu dikenali sebagai Ismail mendedahkan terdapat tanah yang sengaja diberikan kepada warga asing untuk diusahakan dengan kadar sewa RM5,000 hingga RM6,000 setahun.

"Banyak beratus-ratus lot tanah diusahakan dahulu untuk tujuan pertanian. Tetapi, sekarang ada yang 'disewakan' kepada warga asing dan pengusaha asalnya mengambil untung atas angin.

"Pada waktu pagi dan petang, akan nampak banyak kenderaan kebun seperti pacuan empat roda dan van datang dipercayai peraih untuk datang ambil bekalan sayur-sayuran di situ. Situasi tersebut juga menyebabkan kami sebagai penduduk bimbang dengan kebanjiran warga asing di kawasan kampung," luahnya.

> **"Selepas bertahun-tahun, pertanian itu tidak lagi diusahakan menyebabkan warga asing terutama dari Bangladesh mengambil alih dan mengusahakannya dengan pelbagai tanaman."**
>
> MOKHTAR

Jelas seorang lagi penduduk yang dikenali sebagai Mokhtar memberitahu, kegiatan warga asing di kampung berkenaan dilihat seolah-olah wujud rangkaian bekalan sayur-sayuran yang besar dalam kalangan mereka.

"Percayalah, mereka memang boleh bertutur dalam Bahasa Melayu, bukan setahun atau dua tahun buat kerja. Sudah lebih 10 tahun. Bekalan sayur datang dari kebun di situ bukan seikat dua, tetapi boleh dikatakan bertan-tan.

"Disebabkan itu juga, memang ramai warga asing dekat Kampung Johan Setia. Cuma sekarang kita tak nampak sebab kebun tersebut terletak jauh ke dalam dari jalan utama. Mereka pun tinggal dekat dalam kawasan kebun macam rumah kongsi," jelasnya.

Dalam tinjauan *Utusan Malaysia* di kawasan tersebut menemukan pelbagai jenis tanaman yang ditanam dekat lot-lot tanah berasingan. Malah, laluan masuk setiap lot tersebut ditutupi dengan pintu diperbuat daripada kayu dan zink untuk elak daripada diceroboh.

Rata-rata warga Bangladesh yang ditemui mendakwa mereka tidak fasih bertutur dalam Bahasa Melayu selain mengatakan baru bekerja di kebun tersebut beberapa bulan lalu.

Menerusi tinjauan sama, turut ditemukan buku catatan yang merekodkan transaksi jualan sayur-sayuran yang ditulis dengan tulisan tangan dalam bahasa ibunda mereka.

Sementara pemerhatian di kebun-kebun terbabit juga terdapat sambungan bekalan elektrik dan air bersih dibuat sehingga ke pondok-pondok yang dipercayai menjadi tempat tinggal mereka.

Sementara itu, Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Klang membuat pemantauan dan pemeriksaan terhadap lot-lot tanah dikuasai warga asing dekat Kampung Johan Setia, di sini untuk tujuan pertanian yang dipercayai milik kerajaan.

Pegawai Daerahnya, Shahman Jalaludin berkata, bagaimanapun tiada aduan diterima daripada penduduk kampung berkenaan apabila wujud dakwaan penguasaan warga asing terhadap tanah-tanah tersebut yang dikatakan lebih 10 tahun lalu.

"Kita kena kenal pasti lot-lot tanah terlibat untuk menentukan pemilik sebenar dan sememangnya menjadi kesalahan jika benar wujud kegiatan pertanian oleh warga asing atas tanah milik kerajaan dan itu dikira sebagai menceroboh.

"Kalau benar milik kerajaan, kita akan meminta mereka keluar dan tanah tersebut akan dipulihkan kembali kepada keadaan asal. Sementara kalau tanah persendirian pula, kita akan lihat jika pemiliknya melanggar syarat seperti status tanah dan sebagainya, oleh itu pemiliknya akan dihubungi," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 15/1/2024 | THE STAR | TECHNOLOGY | 6 |



Capt Naru explaining the use of drones during a training session at the Tambunan Community college recently.

# Aiming for **new heights** with **drones**

Pilot on a journey to modernise Sabah's agricultural practices.

By RUBEN SARIO
newsdesk@thestar.com.my

A SIGHT just outside his village house was forever etched in the mind of retired Sabah Air senior pilot Capt Naru Kiob.

The scene was that of his elderly uncle, slowly but methodically planting padi seedlings by hand. That was about two years ago at Kampung Kipaku in Sabah's interior Tambunan district.

It set Capt Naru, a helicopter pilot and former deputy general manager and flight operations manager of the state government-owned Sabah Air, on a journey to find ways to help padi farmers like his uncle and also modernise Sabah's agricultural practices.

With an extensive background in aviation, the obvious focus for him was the use of unmanned aerial vehicles or drones.

Capt Naru was familiar with drones – he had been using them for aerial photography as well as providing training for those seeking Civil Aviation Authority of Malaysia (CAAM) certification to operate the aerial vehicles.

Seeing his ageing uncle cultivating the padi field in his village got him thinking about using drones in agriculture – similar but on a smaller scale to when he flew Sabah Air helicopters for aerial crop spraying over cocoa and oil palm plantations years ago.

"As far as planting is concerned, many farmers still do it the traditional way – planting a clump of seven seedlings together for easier harvesting later. They don't scatter the seeds.

"But the other laborious and time-consuming work, like spraying fertiliser and pesticides, these can be done using drones," said Capt Naru.



Capt Naru's crew preparing a drone for a spraying job on a padi field in Keningau.

Noting that spraying fertiliser and pesticides would usually be carried out as a communal effort or gotong-royong to lighten work, he said even this approach was time-consuming for the farmers.

"Five people spraying a one-hectare padi field would take about three days to finish, whereas using a drone would take less than an hour with more precise results," Capt Naru added.

"Manual spraying can result in some areas being over-sprayed due to overlapping while other areas may be missed completely. And in terms of health, drones reduce the hazards faced by farmers as they would not be constantly exposed to the chemicals."

He reckons Sabah's agricultural output could be substantially increased if more mechanisation – including the use of drones – was introduced to farming.

"Just look at Kedah: drones are extensively used in padi cultivation there, and the state's rice production is far higher than that of Sabah," he added.

According to the Agriculture Department statistics, Kedah's padi harvest in 2021 amounted to nearly 452,000 tonnes while Sabah's figure was just slightly over 54,000 tonnes.

To stimulate interest in drone usage for agriculture in Sabah, Capt Naru has invested in two drones – one for aerial chemical spraying and the other for scattering fertiliser pallets or seeds.

The drones have been used to spray at his uncle's padi acreage and even in other areas as far away as Keningau and Tenom – for padi and other crops, including durians.

At the invitation of the Tambunan Community College, Capt Naru has conducted short introductory courses on drone usage for agriculture.

"One of the problems faced in the agriculture sector is labour shortage. Using drones is among the approaches to overcome this and it appeals to the younger generation as well," he added.



"Laborious and time-consuming work, like spraying fertiliser and pesticides, these can be done using drones."

Capt Naru Kiob

Noting that a drone for agriculture use could cost about RM23,000, Capt Naru acknowledged that this would likely be beyond the reach of most farmers, and this was where government agencies could step in.

"We need government support to encourage the usage of drones in agriculture," he said, explaining that an impetus could be the setting up of cooperatives specifically to acquire these aerial vehicles.

"There's some assistance for padi cultivation, but we need to scale up, and one of the most effective approaches is to mechanise, particularly promoting the use of drones.

"At the end of the day, we are talking about our food security, and this is very much in our state and national interests," Capt Naru added.



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 15/1/2024 | THE STAR | TECHNOLOGY | 7 |



An aerial view of the padi fields at Kampung Kipaku in Tambunan district.



Capt Naru (right) briefing Sabah Chief Minister Datuk Hajiji Noor (second from right) about the potential for unmanned aerial vehicles or drones in the agriculture sector during a recent event in Kota Kinabalu.



Capt Naru and his team getting ready to deploy a drone at Kampung Ambual in Keningau district.



The scene that set Capt Naru on a journey to promote the use of drones in agriculture. His elderly uncle is seen slowly tending to a padi crop at Kampung Kipaku in Tambunan district.



A drone spraying a padi field in Keningau.